

# Kolej PERMATA Insan mula ambil pelajar

**Bandar Baru Nilai:** Kolej PERMATA Insan yang dibina di kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, akan menerima 50 pelajar sulung, termasuk 20 perempuan yang dipilih dari seluruh negara, Sabtu ini.

Penolong Pendaftar USIM, Mohd Zaini Othman, berkata kumpulan itu yang akan mengikuti pengajian peringkat Menengah Asas 1 (Tingkatan 1), terlebih dulu akan melalui program orientasi khas selama empat hari sehingga 20 Januari ini.

“Sebahagian besar pelajar ini sudah mengikuti program PERMATA Insan yang dilancarkan oleh Penaung Program PERMATA, Datin Seri Rosmah Mansor pada 12 Mac 2010 di universiti ini. USIM diberi amanah melahirkan dan menjana generasi muda Islam bermula di peringkat remaja,” katanya di sini, semalam.

Mohd Zaini berkata, pelajar



**Kolej PERMATA Insan** yang siap dibina di kampus USIM.

terbabit akan mengikuti kurikulum khas PERMATA Insan yang mengandungi empat komponen penting, iaitu Modul Pintar al-Quran dan al-Sunnah, Modul Bahasa Arab, Modul Bahasa Inggeris dan Modul Pembangunan Insaniah.

“PERMATA Insan bertujuan

memartabatkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan serta amalan kehidupan seharian dalam usaha khusus bagi melahirkan Muslim sejati,” katanya.

## **Kos RM21j**

Beliau berkata, kolej berkenaan dibina di kawasan seluas

kira-kira empat hektar berhampiran bangunan Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) USIM dengan pembinaan fasa pertama mengandungi blok pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran (P&P), asrama serta dewan makan yang menelan kos RM21 juta.